

# Malaysia pusat motor



Oleh ROZAMAN ISMAIL

**K**UALA LUMPUR 27 Nov.— Malaysia mampu menjadi salah sebuah pusat pembuatan kenderaan bermotor pada masa akan datang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, sekiranya kenderaan yang dihasilkan itu berkualiti baik, harga yang kompetitif serta boleh dieksport ia akan membuka jalan ke arah menjadikan negara sebagai pusat pembuatan kenderaan bermotor.

“Pada masa ini Malaysia sudah mengeluarkan kereta nasional sendiri dan melangkah setapak lagi dengan perjanjian usahasama dengan Korea Selatan bagi menghasilkan kenderaan perdagangan iaitu lori satu tan,” katanya ketika berucap di Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama dan Perjanjian Bantuan Teknikal bagi Projek Kenderaan Perdagangan Kebangsaan Malaysia di sini hari ini.

Perjanjian tersebut ditandatangani antara Berjaya Group Berhad, Hyundai Motor Sdn. Bhd dan Pesumals (M) Sdn. Bhd serta Hyundai Motor Company Korea Selatan.

Perdana Menteri berkata, masanya sudah tiba bagi negara ini mengelu-

28 NOV 1993  
arkan kenderaan perdagangan nasional Malaysia sendiri supaya dapat ditawarkan kepada rakyat Malaysia dengan harga yang berpatutan.

“Malaysia yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang kekal dan konsisten dapat menambahkan lagi keperluan negara untuk menghasilkan kenderaan perdagangannya sendiri.

“Malah permintaan untuk kenderaan jenis dan harga import CKD sentiasa meningkat dari tahun ke tahun,” kata beliau.

Beliau menambah, industri pengangkutan merupakan salah satu industri yang diberi perhatian utama oleh kerajaan bagi mengawasi masalah inflasi.

Dr. Mahathir berkata, projek kereta nasional Proton telah berjaya mewujudkan industri komponen yang berdaya maju dan lebih kompetitif daripada sebelum ini.

Katanya, kemunculan projek kereta mini Malaysia serta projek kenderaan perdagangan nasional telah menjadikan jumlah penghasilan kenderaan bermotor di negara ini cukup besar untuk mengimbangi pelaburan dalam komponen-komponen yang lebih mahal harganya.

“Keadaan ini akan membolehkan Malaysia

menjadi pusat bagi pengeluaran komponen bagi kenderaan bermotor serta kenderaan-kenderaan lain,” tambahnya.

Bagi membolehkan rakyat Malaysia dan industrialis asing memperoleh faedah yang lebih hasil daripada perkembangan industri bermotor ini, Perdana Menteri menyeru agar kesemua pihak terlibat membantu pengeluaran-pengeluaran komponen kecil dalam kerja-

kerja pembangunan dan penyelidikan (R&D).

Dr. Mahathir juga mahu melihat rakan usahasama baru dapat menggerakkan tahap baru dalam teknologi khususnya yang belum wujud di Malaysia.

“Kita mempunyai kepakaran yang cukup dalam bidang berkaitan pembuatan asas dan kita tidak mahu lebih banyak dalam bidang yang sama,” tambah Dr. Mahathir.

Bagi mencapai tujuan itu kata Dr. Mahathir beliau mengalu-alukan rancangan Hyundai untuk mewujudkan kemudahan pembuatan gear yang akan membawa kepada penghasilan transmisi tempatan bukan sahaja bagi industri kenderaan perdagangan dan awam tetapi juga bagi pasaran motosikal.